

**TATACARA
MENGHADIRI TEMU DUGA TAULIAH MENGAJAR
NEGERI SELANGOR**

Maklumat ini disediakan sebagai panduan kepada individu yang dipanggil untuk menghadiri temu duga Tauliah Mengajar Negeri Selangor.

A. Sebelum Temu Duga

1. Sahkan kehadiran kepada urus setia melalui maklumat berikut :
 - 1.1 Telefon : 03- 5514 3513 / 3512
 - 1.2 e-mel : tauliah@jais.gov.my
2. Membuat persediaan / ulang kaji perkara-perkara asas Fardhu Ain (Tauhid, Feqah, Tasawuf, Adab dan lain-lain)
3. Senarai kitab yang boleh dirujuk adalah seperti berikut :
 - 3.1 Risalah al-Tauhid (Tauhid)
Disusun Ustaz Abdul Ghani bin Yahya & Ustaz Umar Yusuf (al-Hidayah Publication)
 - 3.2 Idaman Penuntut (Feqh)
Pengarang : Haji Abdul Ghani bin Haji Yahya
 - 3.3 Hidayatus Salikin (Tasawwuf)
Pengarang : Imam al-Ghazali

B. Semasa Temu Duga

Setiap pemohon yang di panggil menghadiri sesi temu duga hendaklah mematuhi etika seperti berikut :

1. Dokumen yang perlu dibawa :
 - 1.1 Kad Pengenalan dan Salinan;
 - 1.2 Dua keping gambar terkini berukuran passport;
 - 1.3 Sijil asal akeademik tertinggi dan salinan;
 - 1.4 Sijil al-Quran atau sijil talaqqi atau surat pengesahan mengajar al-Quran.(Sekiranya pemohon kategori D3);dan
 - 1.5 Kitab yang digunakan untuk mengajar atau belajar (bagi pengajian pondok)
 - 1.6 Pemohon kategori D4 hendaklah mengemukakan sijil kemahiran atau ikhtisas dalam bidang yang dipohon.
2. Berpakaian sopan dan menutup aurat
3. Hadir 30 minit sebelum waktu temu duga
4. Membuat pendaftaran di kaunter

5. Hanya pemohon sahaja dibenarkan masuk ke bilik temu duga
6. Dilarang makan dan minum semasa sesi temu duga
7. Dilarang membuat sebarang rakaman sama ada secara audio atau video
8. Menetapkan fungsi telefon bimbit dalam mod senyap
9. Dilarang membuat sebarang perkara yang boleh mengganggu perjalanan temu duga
10. Mengawal emosi sepanjang sesi temu duga dijalankan
11. Beredar segera setelah selesai temu duga
12. Memastikan barang peribadi di bawah kawalan sendiri

C. Selepas Temu Duga

1. Calon perlu menunggu keputusan temu duga yang akan diputuskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Tauliah
2. Setelah lulus, Kad Identiti Tauliah boleh diambil mengikut tatacara yang telah ditetapkan seperti berikut :
 - 2.1 Membuat bayaran sebanyak RM50.00 di **Majlis Agama Islam Selangor, Tingkat 9, Menara Utara, Bangunan Sultan Idris Shah, Shah Alam, Selangor.**
 - 2.2 Bawa resit bayaran ke **Bahagian Dakwah, Jabatan Agama Islam Selangor, Tingkat 7, Menara Selatan, Bangunan Sultan Idris Shah, Shah Alam**
 - 2.3 Sekiranya tuan/puan ingin mewakilkan bagi urusan pembayaran dan pengambilan kad hendaklah mengemukakan surat wakil.

PERHATIAN :

Jawatankuasa boleh menolak permohonan tauliah mana-mana pemohon yang gagal membawa dokumen dan mematuhi etika temu duga.

Setiausaha
Jawatankuasa Tauliah MAIS